

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**
[KUALA KRAI]
TARIKH : **ISNIN, 12 MAC 2018**
RUJUKAN : **L8 [PR-1361-L05434]**
SOALAN :

Dr. Mohd Hatta Bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah-langkah Kementerian untuk menyediakan laluan berbasikal di kawasan DBKL yang selamat dan berkesan kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krai, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dan sedang berusaha menyiapkan Pelan Induk Pejalan Kaki Dan Basikal Kuala Lumpur. Tujuan Pelan Induk ini disediakan adalah untuk menggalakkan orang awam berjalan kaki dan berbasikal. Satu garis panduan kemudahan pejalan kaki dan basikal yang selamat dan berkesan untuk kegunaan wargakota akan dihasilkan.

Rangkaian pejalan kaki dan basikal ini akan menjadi salah satu mod pengangkutan awam yang akan mengurangkan kesesakan akibat kenderaan bermotor dan membantu mengurangkan pelepasan karbon di Kuala Lumpur. Skop kajian Penyediaan Pelan Induk pejalan kaki dan basikal ini merangkumi aspek fizikal dan non fizikal.

Aspek fizikal bermaksud kajian perancangan gunatanah, pelan rangkaian penghubung *connectivity* dan penyediaan kemudahan infrastruktur. Aspek non fizikal pula bermaksud menyediakan cadangan program kesedaran, keselamatan, penguatkuasaan dan program penglibatan komuniti.

Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Krai, sempena Persidangan World Urban Forum 9 (WUF9) di Kuala Lumpur pada 7–13 Februari 2018 yang lalu, Kementerian Wilayah Persekutuan melalui DBKL telah melaksanakan pembinaan Lorong Basikal di beberapa penjajaran strategik di Pusat Bandar Kuala Lumpur.

Cadangan penajajaran yang dipilih selaras dengan perancangan awal DBKL yang dirangka di dalam Pelan Induk Lorong Basikal Kuala Lumpur dan digabungkan dengan program sempena Persidangan WUF9 di Kuala Lumpur.

DBKL telah mendapat bantuan kepakaran dari pihak seketariat WUF9 termasuk pihak-pihak yang terlibat dengan persidangan. Bantuan teknikal juga diperolehi dari pakar-pakar tempatan termasuk dari Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT-Urbanice), Persatuan Basikal Malaysia dan beberapa badan yang terlibat di dalam aktiviti berbasikal. Bantuan kepakaran dan perundingan juga diperolehi dari Negara Belanda dan Amerika Syarikat.

Di peringkat pelaksanaan, DBKL telah merujuk kepada piawaian yang dibentuk oleh JKR dibantu oleh bahan-bahan rujukan dari luar negara. Rujukan juga dibuat ke atas Akta Pengangkutan Jalan Malaysia untuk memastikan pelaksanaan tidak bercanggah dengan Undang-Undang Lalulintas di Malaysia.

Kesemua rujukan yang dinyatakan di atas bertujuan untuk memastikan pelaksanaan Lorong Basikal mencapai tahap keselamatan yang tertinggi selaras dengan Undang-Undang Malaysia serta piawaian dan garis paduan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.